


Kandungan *Contents*

2	Kenyataan Korporat <i>Corporate Statement</i>
6	Petunjuk Penting Operasi & Kewangan Kumpulan & Subsidiari <i>Operational & Financial Highlights of the Group & Subsidiary</i>
8	Notis Mesyuarat Agung Tahunan <i>Notice of Annual General Meeting</i>
10	Kenyataan Berserta Notis Mesyuarat Agung Tahunan <i>Statement Accompanying Notice of Annual General Meeting</i>
12	Maklumat Korporat <i>Corporate Information</i>
13	Profil Pengarah -Pengarah <i>Profile of Directors</i>
16	Jawatankuasa Audit <i>Audit Committee</i>
18	Ulasan Pengerusi <i>Chairman's Review</i>
22	Kenyataan Berkaitan Dengan Urustadbir Korporat <i>Statement In Reference To Corporate Governance</i>
28	Kenyataan Pengarah Urusan <i>Managing Director's Statement</i>
32	Profil Subsidiari <i>Profile of Subsidiary</i>
33	Peristiwa-Peristiwa Penting Korporat 2001 <i>Corporate Highlights 2001</i>
34	Ringkasan Peralatan & Kemudahan <i>Summary of Equipment & Facilities</i>
35	Penyata Kewangan <i>Financial Statements</i>
87	Analisa Struktur Ekuiti <i>Analysis of Equity Structure</i>
89	Senarai Hartanah <i>List of Properties</i>
91	Borang Proksi <i>Proxy Form</i>

Kenyataan Korporat

Untuk merealisasikan wawasan kami sebagai pusat pengangkutan dan pengedaran yang terbesar dan paling efisien serta pusat pelabuhan di Malaysia Timur, matlamat kami adalah untuk memberi perkhidmatan pelabuhan berkualiti yang memenuhi dan melebihi ekspektasi pelanggan. Kami mentakrifkan perkhidmatan pelabuhan yang berkualiti sebagai senantiasa memahami, memenuhi dan melebihi kehendak serta keperluan pelanggan-pelanggan kami.



Wawasan Kami

Untuk menjadi pusat pengangkutan dan pengedaran yang terbesar dan paling efisien serta pusat pelabuhan di Malaysia Timur.

Misi Kami

Untuk memberi perkhidmatan pelabuhan yang berkualiti kepada semua pelanggan kami dan memastikan pulangan pelaburan kompetitif kepada semua pemegang saham kami.

Nilai-Nilai Kami

Perkhidmatan Yang Berkualiti

Kami menumpukan sepenuh perhatian kepada pelanggan di dalam memberi perkhidmatan yang selamat dan efisien melebihi ekspektasi mereka.

Personel Yang Berkualiti

Kami adalah personel yang berketerampilan.

Kewibawaan

Kami mematuhi piawaian, ketetapan dan peraturan.

Inovasi

Kami berkewajipan untuk memenuhi setiap kehendak pelanggan secara terampil dan sentiasa mengguna teknologi baru dalam menghadapi persaingan.

Pengiktirafan

Kami menyediakan kerjaya yang mencabar kepada personel kami dimana pembangunan kerjaya mereka dinilai dari segi daya usaha dan daya cipta individu.

Corporate Statement

To realise our vision of becoming the largest and most efficient transportation and distribution centre and the hub port in East Malaysia, it is our mission to provide quality port services that meet and exceed customers' expectations. We define quality port services as continuously understanding, accepting, meeting and exceeding the needs and expectations of our port users.





Our Vision

To become the largest and most efficient transportation and distribution centre and the hub port in East Malaysia.

Our Mission

To provide quality port services to all our customers and to ensure a competitive return on investment for stakeholders.

Our Values

Quality Services

We focus on our customers in order to provide safe and efficient services that exceed expectations.

Quality People

We are versatile personnel.

Integrity

We adhere to standards, rules and regulations

Innovation

We are committed in delivering effective solutions to each customer's needs and continuously adopting new technology to maintain our competitiveness.

Recognition

We provide our personnel with challenging opportunities, emphasising on individual initiative and creativity for career advancement.

Petunjuk Penting Operasi & Kewangan Kumpulan & Subsidiari

Operational & Financial Highlights of the Group & Subsidiary

BINTULU PORT HOLDINGS BERHAD GROUP

2001

Perolehan (RM juta/million) <i>Turnover</i>	279.53
Keuntungan Sebelum Cukai (RM juta/million) <i>Profit Before Taxation</i>	117.98
Modal Berbayar (RM juta/million) <i>Paid-up Capital</i>	400.00
Dana Pemegang Saham (RM juta/million) <i>Total Shareholders' Fund</i>	753.38
Dividen (bersih) (RM juta/million) <i>Dividend (net)</i>	47.68
Kadar Dividen / <i>Dividend Rate (%)</i>	
Kasar / <i>Gross</i>	11
Dikecualikan Cukai / <i>Tax Exempt</i>	4
Harta Ketara Bersih Se Saham (RM) <i>Net Tangible Asset Per Share (RM)</i>	1.84
Pendapatan Se Saham (Sen) <i>Earnings Per Share (Sen)</i>	22.14


BINTULU PORT SDN. BHD.

2001 2000 1999 1998 1997


Kendalian Kargo (juta tan/million tonnes) <i>Cargo Throughput</i>	25.21	24.89	23.64	23.34	24.58
Kendalian Kontena (TEUs) <i>Containers Handled</i>	66,139	47,609	36,418	29,536	32,571
Singgahan Kapal <i>Vessel Calls</i>	4,375	4,047	3,663	3,202	3,824
Perolehan (RM juta/million) <i>Turnover</i>	279.53	274.84	257.43	247.75	251.74
Keuntungan Sebelum Cukai (RM juta/million) <i>Profit Before Taxation</i>	113.26	104.99	124.20	131.20	131.39
Modal Berbayar (RM juta/million) <i>Paid-up Capital</i>	65.00	65.00	65.00	65.00	65.00
Dana Pemegang Saham (RM juta/million) <i>Total Shareholders' Fund</i>	513.38	495.45	549.59	430.11	342.25
Dividen (bersih) (RM juta/million) <i>Dividend (net)</i>	62.58	129.02	6.50	4.68	4.68
Kadar Dividen / <i>Dividend Rate (%)</i>					
Kasar / <i>Gross</i>	99	62	-	10	10
Dikecualikan Cukai / <i>Tax Exempt</i>	25	153.85*	10	-	-

* Dividen Khas / *Special Dividend*


BINTULU PORT SDN BHD




Kendalian Kargo / *Cargo Throughput*




Perolehan / *Turnover*




Singgahan Kapal / *Vessel Calls*



Keuntungan Sebelum Cukai / *Profit Before Taxation*



Kendalian Kontena / *Containers Handled*



Dana Pemegang Saham / *Total Shareholders' Fund*

Notis

Mesyuarat Agung Tahunan

DENGAN INI DIBERI NOTIS bahawa MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KEENAM Bintulu Port Holdings Berhad akan diadakan di **Ballroom 3, Lobby Floor, Kuching Hilton, Jalan Tunku Abdul Rahman, 93748 Kuching , Sarawak** pada hari **Selasa, 23 April 2002**, jam **9.00 pagi** untuk tujuan-tujuan berikut :-

Urusan Biasa

- | | |
|---|------------|
| 1. Menerima dan meluluskan Laporan Pengarah dan Penyata Akaun yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2001 dan Laporan Juruaudit yang dilampirkan. | RESOLUSI 1 |
| 2. Meluluskan pembayaran dividen akhir sebanyak 4.0 sen se saham dikecualikan cukai dan 6.0 sen se saham ditolak cukai pendapatan 28% bagi tahun berakhir 31 Disember 2001. | RESOLUSI 2 |
| 3. Meluluskan pembayaran yuran Pengarah-pengarah berjumlah RM141,781.00 untuk tahun berakhir 31 Disember 2001. | RESOLUSI 3 |
| 4. Melantik semula Pengarah Encik Abdul Rahim bin Mokti yang bersara menurut Artikel 127 Tataurusan Syarikat. | RESOLUSI 4 |
| 5. Melantik semula Pengarah Encik Subkey bin Abdul Wahab yang bersara menurut Artikel 132 Tataurusan Syarikat. | RESOLUSI 5 |
| 6. Melantik semula Pengarah Dato' Hj. Mohd Ali bin Hj. Yasin yang bersara menurut Artikel 132 Tataurusan Syarikat. | RESOLUSI 6 |
| 7. Melantik semula Tetuan Arthur Andersen & Co. sebagai Juruaudit Syarikat dan memberi kuasa kepada Pengarah-pengarah menetapkan imbuhanannya. | RESOLUSI 7 |

Urusan Khas

- | | |
|--|------------|
| 8. Untuk menimbang dan jika difikirkan sesuai, meluluskan dengan pindaan atau tanpa pindaan Resolusi Khas untuk meminda Tataurusan Syarikat sepertimana Pekeliling kepada Pemegang-pemegang Saham bertarikh 29 Mac 2002. | RESOLUSI 8 |
| 9. Menjalankan sebarang urusan lain yang mana notis sewajarnya telah diberitahu selaras dengan Akta Syarikat 1965. | RESOLUSI 9 |

Notis Penutupan Buku

DENGAN INI NOTIS JUGA DIBERI bahawa Buku Pendaftaran Ahli-ahli akan ditutup pada 07 Mei 2002 bagi menentukan kelayakan ke atas dividen. Pembayaran dividen akhir sebanyak 4.0 sen se saham dikecualikan cukai dan 6.0 sen se saham ditolak cukai pendapatan 28% bagi tahun berakhir 31 Disember 2001 sekiranya diluluskan, akan dibayar pada 31 Mei 2002 kepada pemegang saham yang tercatat dalam Rekod Pendeposit pada tarikh penutupan perniagaan pada 06 Mei 2002.

Pendeposit akan layak mendapat hak ke atas Dividen hanya dalam keadaan berikut :-

- Saham-saham yang dipindahkan ke dalam Akaun Sekuriti Pendeposit sebelum 12.30 tengahari pada 06 Mei 2002 untuk pemindahan biasa; dan
- Saham-saham yang dibeli di Bursa Saham Kuala Lumpur atas hak milik bersama menurut Peraturan-peraturan Bursa Saham Kuala Lumpur.

Dengan Perintah Lembaga Pengarah,

NIK ABD RAHMAN BIN NIK ISMAIL (LS.005892)
Setiausaha Syarikat

BINTULU
29 MAC 2002

Nota-nota :-

1. PROKSI

- Seorang ahli yang berhak hadir dan mengundi adalah berhak melantik seorang proksi untuk hadir dan mengundi bagi pihaknya. Seorang proksi tidak semestinya ahli syarikat.
- Surat Perlantikan Proksi dari seseorang individu mestilah ditandatangani oleh perlantik atau wakilnya yang telah dilantik dengan secara bertulis, dan surat perlantikan proksi dari sesebuah perbadanan mestilah disempurnakan di bawah meteri syarikat atau ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa berbuat demikian.
- Borang proksi yang telah disempurnakan mestilah dihantar kepada Pejabat Berdaftar Syarikat, Ibu pejabat, Bintulu Port Holdings Berhad, Lot 15, Block 20, Kemena Land District, 12th Mile, Jalan Tanjung Kidurong, 97000 Bintulu, Sarawak, Malaysia tidak lewat dari 48 jam sebelum waktu Mesyuarat yang ditetapkan dan atau waktu penangguhannya.

2. RESOLUSI KHAS

(Pindaan terhadap Perkara 127, 176 dan memasukkan Perkara 196 yang baru dalam Tataurusan Syarikat)

Jika Resolusi Khas yang dicadangkan di bawah perkara 8 di atas diluluskan, hal ini akan menjadikan Tataurusan Syarikat selaras dengan Syarat-syarat Penyenaraian Bursa Saham Kuala Lumpur.

Notice

of Annual General Meeting

NOTICE IS HEREBY GIVEN that the SIXTH ANNUAL GENERAL MEETING of Bintulu Port Holdings Berhad will be held at **Ballroom 3, Lobby Floor, Kuching Hilton, Jalan Tunku Abdul Rahman, 93748 Kuching, Sarawak** on **Tuesday, 23 April 2002** at **9.00 a.m** for the following purposes :-

Ordinary Business

- | | |
|---|--------------|
| 1. To receive and adopt the Directors' Report and Audited Accounts for the year ended 31 December 2001 and the Auditors' Report thereon. | RESOLUTION 1 |
| 2. To approve the payment of final dividend at 4.0 sen per share tax exempt and 6.0 sen per share less income tax 28%, in respect of the year ended 31 December 2001. | RESOLUTION 2 |
| 3. To approve the Directors' Fees amounting to RM141,781.00 for the year ended 31 December 2001. | RESOLUTION 3 |
| 4. To re-elect Director Encik Abdul Rahim bin Mokti who retires under Article 127 of the Company's Articles of Association. | RESOLUTION 4 |
| 5. To re-elect Director Encik Subkey bin Abdul Wahab who retires under Article 132 of the Company's Articles of Association. | RESOLUTION 5 |
| 6. To re-elect Dato' Hj. Mohd Ali bin Hj. Yasin who retires under Article 132 of the Company's Articles of Association. | RESOLUTION 6 |
| 7. To re-appoint Messrs Arthur Andersen & Co. as auditors of the Company and to authorise the Directors to fix their remuneration. | RESOLUTION 7 |

Special Business

- | | |
|--|--------------|
| 8. To consider and if thought fit, pass with or without any modification the Special Resolution on Proposed Amendments to the Company's Articles of Association as per Circular to Shareholders dated 29 March 2002. | RESOLUTION 8 |
| 9. To transact any other business for which due notice shall have been given in accordance with the Companies Act 1965. | RESOLUTION 9 |

Notice of Book Closure

NOTICE IS ALSO HEREBY GIVEN that the Register of Members will be closed on 07 May 2002 to determine the shareholders entitlement to the dividend payment. The final dividend of 4.0 sen per share tax exempt and 6.0 sen per share less income tax of 28% for the year ended 31 December 2001 if approved, will be payable on 31 May 2002 to Depositors registered in the Record of Depositors at the close of business on 06 May 2002.

A depositor shall qualify for entitlement to dividend only in respect of :-

- (a) Shares transferred into the Depositor's Securities Account before 12.30 p.m. on 06 May 2002 in respect of ordinary transfers; and
- (b) Shares bought on the Kuala Lumpur Stock Exchange on a cum entitlement basis according to the Rules of the Kuala Lumpur Stock Exchange.

By Order of the Board,

NIK ABD RAHMAN BIN NIK ISMAIL (LS.005892)
Company Secretary

BINTULU
29 MARCH 2002

Notes :-

1. PROXY

- i. A member of the Company entitled to attend and vote is entitled to appoint a proxy to attend and vote in his stead. A proxy need not be a member of the Company.
- ii. The instrument appointing a proxy in the case of an individual shall be signed by the appointor or his attorney duly authorised in writing and in the case of a corporation, the instrument appointing a proxy must be under seal or under the hand of an officer or attorney duly authorised.
- iii. The instrument appointing a proxy must be deposited at the Registered Office of the Company at Headquarters Building, Bintulu Port Holdings Berhad, Lot 15, Block 20, Kemena Land District, 12th Mile, Jalan Tanjung Kidurong, 97000 Bintulu, Sarawak, Malaysia, not less than 48 hours before the time appointed for holding the Meeting and or any adjournment thereof.

2. SPECIAL RESOLUTION

(Amendment to Article 127, 176 and inserting new Article 196 of the Company's Articles of Association)

The Special Resolution proposed under item 8 above if passed, will primarily bring the Articles of Association of the Company to be in line with the Listing Requirements of the Kuala Lumpur Stock Exchange.

Kenyataan

berserta Notis Mesyuarat Agung Tahunan menurut Perenggan 8.28 (2),
Syarat-syarat Penyenaraian Bursa Saham Kuala Lumpur

Pengarah Yang Menawarkan Diri Untuk Perlantikan Semula

- a. Bersara menurut Artikel 127, Tataurusan Syarikat & Perenggan 7.28, Syarat-syarat Penyenaraian Bursa Saham Kuala Lumpur
- Encik Abdul Rahim bin Mokti
- b. Bersara menurut Artikel 132, Tataurusan Syarikat
- Encik Subkey bin Abdul Wahab
- Dato' Hj. Mohd Ali bin Hj. Yasin

Butiran Lanjut Tentang Pengarah Yang Menawarkan Diri Untuk Perlantikan Semula

Butiran lanjut tentang pengarah yang menawarkan diri untuk perlantikan semula adalah seperti Profil Pengarah-pengarah yang terdapat di muka surat 14 dan 15 Laporan Tahunan ini.

Mesyuarat Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah telah mengadakan sebelas (11) mesyuarat dan empat (4) daripadanya diadakan secara edaran. Perincian mengenai kehadiran dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2001 adalah seperti di muka surat 22 Laporan Tahunan ini.

Mesyuarat-mesyuarat tersebut diadakan seperti berikut :-

Bil	Tarikh	Masa	Tempat
1.	12/02/2001	05.35 petang	Board Room, Tingkat 1, Kuching Hilton, Kuching
2.	14/02/2001	-	- (Melalui edaran kepada Ahli Lembaga Pengarah)
3.	19/02/2001	-	- (Melalui edaran kepada Ahli Lembaga Pengarah)
4.	08/03/2001	05.20 petang	Bilik Mesyuarat Tingkat 1, Kementerian Kewangan Malaysia, Kuala Lumpur
5.	15/03/2001	03.30 petang	MIH Board Room, Tingkat 27, Menara Multi-Purpose, Capital Square, Kuala Lumpur
6.	22/03/2001	10.30 pagi	MIH Board Room, Tingkat 27, Menara Multi-Purpose, Capital Square, Kuala Lumpur
7.	30/04/2001	02.30 petang	Bilik Mesyuarat Tingkat 1, Kementerian Kewangan, Kuala Lumpur
8.	08/08/2001	-	- (Melalui edaran kepada Ahli Lembaga Pengarah)
9.	17/08/2001	-	- (Melalui edaran kepada Ahli Lembaga Pengarah)
10.	28/08/2001	09.30 pagi	Bilik Mesyuarat 1, Tingkat 1, Kementerian Kewangan Malaysia, Kuala Lumpur
11.	25/11/2001	10.00 pagi	Bilik Mesyuarat 1, Tingkat 1, Kementerian Kewangan Malaysia, Kuala Lumpur

Statement

accompanying Notice of Annual General Meeting Pursuant to Para 8.28 (2)
of the Listing Requirements of the Kuala Lumpur Stock Exchange

Directors Standing for Re-election and Re-appointment

- a. Retiring under Article 127 of the Company's Articles of Association & Para 7.28 of the Listing Requirements of the Kuala Lumpur Stock Exchange
- Encik Abdul Rahim bin Mokti
- b. Retiring under Article 132 of the Company's Articles of Association
- Encik Subkey bin Abdul Wahab
- Dato' Hj. Mohd Ali bin Hj. Yasin

Details of Directors who are standing for Re-election and Re-appointment

Details of the above Directors who are standing for re-election are set out in the Directors' Profiles appearing on pages 14 and 15 of the Annual Report.

Board Of Directors' Meeting

There were eleven (11) Board Meetings held during the year ended 31 December 2001 of which four (4) were held by way of circulation. Details of attendance of Directors at Board Meetings held in the financial year ended 31 December 2001 is set out on page 25 of the Annual Report.

The meetings were held as follows :-

No	Date	Time	Venue
1.	12/02/2001	05.35 p.m.	Board Room, Tingkat 1, Kuching Hilton, Kuching
2.	14/02/2001	-	- (By way of circulation to all Board Members)
3.	19/02/2001	-	- (By way of circulation to all Board Members)
4.	08/03/2001	05.20 p.m.	Bilik Mesyuarat Tingkat 1, Kementerian Kewangan Malaysia, Kuala Lumpur
5.	15/03/2001	03.30 p.m.	MIH Board Room, Tingkat 27, Menara Multi-Purpose, Capital Square, Kuala Lumpur
6.	22/03/2001	10.30 a.m.	MIH Board Room, Tingkat 27, Menara Multi-Purpose, Capital Square, Kuala Lumpur
7.	30/04/2001	02.30 p.m.	Bilik Mesyuarat Tingkat 1, Kementerian Kewangan Malaysia, Kuala Lumpur
8.	08/08/2001	-	- (By way of circulation to all Board Members)
9.	17/08/2001	-	- (By way of circulation to all Board Members)
10.	28/08/2001	09.30 a.m.	Bilik Mesyuarat 1, Tingkat 1, Kementerian Kewangan Malaysia, Kuala Lumpur
11.	25/11/2001	10.00 a.m.	Bilik Mesyuarat 1, Tingkat 1, Kementerian Kewangan Malaysia, Kuala Lumpur

Maklumat Korporat

Corporate Information

Lembaga Pengarah • Board of Directors

Datuk Mohamed Adnan bin Ali

Pengerusi • *Chairman*

- Pengarah Bebas Bukan Eksekutif • *Independent Non-Executive Director*

Capt. Awangku Abdul Malit @

Awangku Malyx bin Pengiran Mahran

Pengarah Urusan • *Managing Director*

Tan Sri Dato' Dr. Samsudin bin Hitam

- Pengarah Bukan Bebas & Bukan Eksekutif •
Non-Independent & Non-Executive Director

Dato' Hj. Mohd Ali bin Hj. Yasin

- Pengarah Bukan Bebas & Bukan Eksekutif •
Non-Independent & Non-Executive Director
- Dilantik pada 26 November 2001 •
Appointed on 26 November 2001

Encik Abdul Rahim bin Mokti

- Pengarah Bukan Bebas & Bukan Eksekutif •
Non-Independent & Non-Executive Director

Encik Subkey bin Abdul Wahab

- Pengarah Bebas Bukan Eksekutif • *Independent Non-Executive Director*
- Dilantik pada 20 Ogos 2001 • *Appointed on 20 August 2001*

Encik Onn bin Kayat

- Pengarah Bebas Bukan Eksekutif • *Independent Non-Executive Director*
- Meletak Jawatan pada 29 Jun 2001 • *Resigned on 29 June 2001*

Setiausaha Syarikat • Company Secretary

Encik Nik Abd Rahman bin Nik Ismail

Juruaudit • Auditors

Arthur Andersen & Co.

- Akauntan Awam • *Public Accountants*

Bank Utama • Principal Banker

Bumiputra Commerce Bank Berhad

Pejabat Berdaftar • Registered Office

Lot 15, Block 20, Kemena Land District
12th Mile, Tanjung Kidurong Road
97000 Bintulu, Sarawak

Pendaftar • Registrar

PFA Registration Services Sdn. Bhd.

Level 13, Uptown 1

No. 1, Jalan SS21/58, Damansara Uptown

47400 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-7725 4888 / 7726 8046

Fax: 03-7722 2311

E-mail: regn@tm.net.my

regn@pfa.com.my

Penyenaraian di Bursa Saham • Stock Exchange Listing

Papan Utama Bursa Saham Kuala Lumpur •

*Main Board Of The Kuala Lumpur Stock
Exchange*

Tempat Diperbadankan • Place of Incorporation

Diperbadankan di Malaysia •

Incorporated in Malaysia

No. Syarikat • Company No.

380802-T

Anak Syarikat • Subsidiary Company

Bintulu Port Sdn. Bhd. (254396-V)

Telefon • Telephone

086 - 251001 (20 Lines)

Teleks • Telex

BIPORT MA 73179

Laman Web • Website

<http://www.bpsb.com.my>

Faks • Fax

086-253597 / 251578

E-mel • E-mail

biport@bpsb.com.my

Profil Pengarah-Pengarah *Profile of Directors*



Datuk Mohamed Adnan bin Ali Berusia 59, Warganegara Malaysia

- Pengerusi dan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif.
- Pengerusi Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Penamaan.
- Akauntan bertauliah dan merupakan Ahli Bersekutu Chartered Institute of Management Accountants, United Kingdom pada tahun 1972 dan kemudiannya menjadi Fellow Institut tersebut.
- Berkhidmat di pelbagai jabatan/unit Kerajaan sebagai Akauntan atau Bendahari. Beliau memulakan kerjayanya sebagai Akauntan di Jabatan Telekom Malaysia pada tahun 1972. Kemudiannya lewat pada tahun yang sama, beliau menyertai Kementerian Perdagangan dan Industri dan selepas itu dipindahkan ke Kementerian Kesihatan pada 1975 sebagai Penguasa Kewangan dan selepas itu berkhidmat dengan Kementerian Kewangan di antara tahun 1976 dan 1980 sebagai Timbalan Pengurus (Unit Pengurusan Kewangan). Pada 1980, beliau telah dipinjamkan ke Universiti Teknologi Malaysia sebagai Bendahari dan berpindah ke Kementerian Pendidikan pada tahun 1983 sebagai Ketua Akauntan. Selepas itu, beliau dipinjamkan ke Universiti Islam Antarabangsa sebagai Bendahari Universiti tersebut. Pada tahun 1987, beliau dipindahkan ke Unit Perancang Ekonomi (Bahagian Foreign Investment Committee) sebagai Akauntan Kanan sebelum dipinjamkan ke Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sebagai Pengurus Kanan (Pelaburan) pada 1988. Pada tahun 1992, beliau menyertai semula Jabatan Akauntan Negara sebagai Pengarah Korporat dan

kemudiannya telah dinaikkan pangkat menjadi Timbalan Akauntan Negara pada tahun yang sama. Beliau dilantik sebagai Akauntan Negara pada 1994 dan berkhidmat dalam kapasiti tersebut sehingga persaraan beliau pada tahun 2000.

- Dilantik sebagai Pengarah Bintulu Port Holdings Berhad pada 28 November 2000.
- Menjadi Pengarah beberapa syarikat awam seperti Phileo Allied Berhad, Malaysia Airport Holdings Berhad dan Bank Pembangunan Malaysia Berhad.
- Memegang 5,000 saham biasa pada RM1.00 se saham di Bintulu Port Holdings Berhad.
- Tiada hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Bintulu Port Holdings Berhad.
- Tiada percanggahan kepentingan dalam mana-mana urusan perniagaan yang melibatkan Bintulu Port Holdings Berhad.
- Tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam masa 10 tahun kebelakangan ini.
- Menghadiri semua (7) mesyuarat Lembaga dan empat (4) mesyuarat Jawatankuasa Audit dalam tahun kewangan ini.

Aged 59, Malaysian

- *Chairman and Independent Non-Executive Director.*
- *Chairman of Audit Committee and Nominating Committee.*
- *An accountant by training and admitted as an Associate Member of the Chartered Institute of Management Accountants, United Kingdom in 1972 and has since become a Fellow of the Institute.*
- *Had served in various Governmental departments/units either as an Accountant or Treasurer. He began his career as an Accountant with Jabatan Telekom Malaysia in 1972. Later during the same year, he joined the Ministry of Trade and Industry and was subsequently transferred to the Ministry of Works as a Senior Accountant. He went to the Ministry of Health in 1975 as a Financial Controller and thereafter served with the Ministry of Finance between 1976 and 1980 as the Deputy Manager (Financial Management Unit). In 1980, he was seconded to Universiti Teknologi Malaysia as the Bursar and moved to the Ministry of Education in 1983 as the Chief Accountant. Subsequently, he was seconded to the International Islamic University as the university's Treasurer. In 1987, he was transferred to Economic Planning Unit (Foreign Investment Committee Division) as a Senior Manager (Investment) in 1988. In 1992, he returned to the Accountant General's Department as the Corporate Director and was subsequently promoted to Deputy Accountant General in the same year. He became the Accountant General in 1994 and served in that capacity until his retirement in the year 2000.*
- *Appointed as a Director of Bintulu Port Holdings Berhad on 28 November 2000.*
- *Also sits on the Board of various public companies such as Phileo Allied Berhad, Malaysia Airport Holdings Berhad and Bank Pembangunan Malaysia Berhad.*
- *Has direct shareholding of 5,000 ordinary shares of RM1.00 each in Bintulu Port Holdings Berhad.*
- *Has no family relationship with any director and/or major shareholder of Bintulu Port Holdings Berhad.*
- *Has no conflict of interest in any business arrangement involving Bintulu Port Holdings Berhad.*
- *Has no conviction for any offences within the past 10 years.*
- *Attended all seven (7) Board meetings and four (4) Audit Committee meetings held in the financial year.*

Captain Awangku Abdul Malit @ Awangku Malyx bin Pengiran Mahran

Berusia 51, Warganegara Malaysia



- Pengarah Urusan dan Bukan Bebas
- Memperolehi ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Sains Nautikal daripada Merchant Marine Academy di Jakarta, Indonesia pada tahun 1974, mendapat Certificate of Competency Foreign Going Class III pada 1975 dan Certificate of Competency Foreign Going Class II pada 1978. Pada tahun 1981, beliau memperolehi Certificate of Competency Foreign Going Class I (Master Mariner) daripada akademi yang sama.
- Memulakan kerjayanya di laut sebagai kadet pada tahun 1970 sehingga mendapat Ijazah Malim I pada 1981.
- Menyertai Lembaga Pelabuhan Bintulu sebagai Penolong Pengurus Marin (Operasi) pada 1988 dan kemudiannya dinaikkan pangkat ke jawatan Pengurus Besar pada tahun 1993.
- Dilantik sebagai Pengarah dan Pengarah Urusan Bintulu Port Holdings Berhad pada 1 Disember 2000.
- Juga menjadi Pengarah Bintulu Port Sdn. Bhd.
- Memegang 2,140,000 saham biasa pada RM1.00 se saham di Bintulu Port Holdings Berhad.
- Tiada hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Bintulu Port Holdings Berhad.
- Tiada percanggahan kepentingan dalam mana-mana urusan perniagaan yang melibatkan Bintulu Port Holdings Berhad.
- Tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam masa 10 tahun kebelakangan ini.
- Menghadiri enam (6) daripada tujuh (7) mesyuarat Lembaga dalam tahun kewangan ini.

Aged 51, Malaysian

- *Managing Director and Non-Independent.*
- *Graduated in 1974 from Merchant Marine Academy, Jakarta, Indonesia with Bachelor of Science (Honours) in Nautical Studies, obtained Certificate of Competency Foreign Going Class III in 1975 and Certificate of Competency Foreign Going Class II in 1978. In 1981, he obtained Certificate of Competency Foreign Going Class I (Master Mariner) from the same Academy.*
- *Started his career at sea as cadet in 1970 and was promoted to various ranks before obtaining his Master's certificate in 1981.*
- *Joined Bintulu Port Authority as Assistant Marine Manager (Operation) in 1988 and later was promoted to the post of General Manager in 1993.*
- *Appointed as the Director and Managing Director of Bintulu Port Holdings Berhad on 1 December 2000.*
- *Also sits on the Board of Bintulu Port Sdn. Bhd.*
- *Has direct shareholdings of 2,140,000 ordinary shares of RM1.00 each in Bintulu Port Holdings Berhad.*
- *Has no family relationship with any director and/or major shareholder of Bintulu Port Holdings Berhad.*
- *Has no conflict of interest in any business arrangement involving Bintulu Port Holdings Berhad.*
- *Has no convictions for any offences within the past 10 years.*
- *Attended six (6) out of seven (7) Board meetings held in the financial year.*

Tan Sri Dato' Dr. Samsudin bin Hitam

Berusia 54, Warganegara Malaysia



- Pengarah Bukan Bebas dan Bukan Eksekutif.
- Memperolehi ijazah Sarjana Muda Sastera (Pengajian Melayu) dengan Kepujian dari Universiti Malaya pada 1970. Seterusnya beliau memperolehi Ijazah Sarjana Sains dalam Ekonomi Pertanian pada 1977 dari University of Wisconsin, Amerika Syarikat dan kemudiannya Ijazah Doktor Falsafah dalam Sumber Tanah pada tahun 1986.
